

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 APRIL 2017

Kematian Mohamad Thaqif amat menyedihkan

Segerakkan siasatan - Najib

UM - 27/4/2017

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 APRIL

DATUK Seri Najib Tun Razak mengarahkan siasatan kes berhubung pelajar madrasah tahfiz di Kota Tinggi, Mohamad Thaqif Amin Mohd. Gadaffie yang dipercayai dipukul oleh pembantu warden sehingga menyebabkan kematian, dipercepatkan.

Sambil melahirkan rasa sedih berikutan kematian pelajar terabit yang sebelum ini kedua-dua belah kakinya terpaksa dipotong akibat jangkitan kuman, Perdana Menteri berkata, punca kematian akan dapat diketahui menerusi siasatan berkenaan sekali gus tindakan undang-undang boleh diambil jika ada kesalahan.

"Innalillah. Sedih menerima berita pemergian adik Mohd. Thaqif Amin di Hospital Sultan

Ismail, Johor Bahru. Takziah buat keluarga arwah dan Insya-Allah, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) akan mewakili saya di majlis pengebumian arwah.

"Saya mahu siasatan kes ini dipercepatkan agar kita tahu punca kematian dan diambil tindakan undang-undang jika ada kesalahan," katanya menerusi laman Facebook beliau, hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan kedua-dua belah kaki Mohamad Thaqif Amin yang bertukar lebam terpaksa dipotong hingga paras betis setelah dijangkiti kuman dan darah beku. Doktor di hospital itu sepatutnya melakukan pembedahan tangan kanan-pula pada pagi ini, tetapi terpaksa ditangguh ekoran keadaan jantungnya yang tidak stabil.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi turut meluahkan rasa sedih dan

mengucapkan takziah kepada ahli keluarga arwah.

"Menerima berita sedih pemergian adik Mohamad Thaqif Amin ke rahmatullah. Takziah kepada keluarga, semoga ditempatkan bersama para syuhada. Al-Fatihah," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, polis mengklasifikasikan kes kematian Mohd. Thaqif Amin sebagai kes bunuh.

Menurut beliau, kes arwah yang sebelum ini disiasat mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 dipinda kepada Seksyen 302 Kanun Keseksaan berikutan kematiannya.

"Polis akan dapatkan laporan penuh perubatan dan lengkapkan siasatan dengan segera," katanya menerusi laman Twitter rasminya hari ini.

Khalid turut mengucapkan takziah kepada keluarga arwah atas pemergiannya.